

zubedy 

let us add value

PERJALANAN ... ke arah

SATU MALAYSIA

POSKOD 2020

9.5
HA

CHANDRA MUZAFFAR


PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERJALANAN... ke arah SATU MALAYSIA

oleh
chandra muzaffar

PUSTAKA PERDANA



1009979

zubedy 

let us add value

zubedy ideahouse sdn. bhd.
Kuala Lumpur



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

© zubedy ideahouse sdn.bhd.
Hak Cipta Terpelihara

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan
Chandra Muzaffar

Perjalanan... ke arah Satu Malaysia/Chandra Muzaffar

1. Social integration-Malaysia.
 2. Malaysia-Social policy.
 3. Malaysia-Race relations.
 4. Malaysia-Ethnic relations.
- I. Judul. 959.5

ISBN 978-967-11099-1-5

Rekaan muka badapan & rekaan susun atur:
Intan Dayana Adinan

Diterbitkan oleh
zubedy ideahouse sdn. bhd.
Wisma W.I.M, 3rd Floor
7, Jalan Abang Haji Openg
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur
TEL: 03 - 7727 0758
FAX: 03 - 7727 0759
www.zubedy.com

Cetakan oleh
infocus printing sdn bhd
No. 11, Jalan PBS 14/14
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03 89454966

959.5
CHA



BIODATA PENGARANG



Dr. Chandra Muzaffar adalah Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan IMalaysia yang telah ditubuhkan pada bulan Julai 2009 sebagai sebuah organisasi bebas, tidak berpihak, dan tidak berasaskan keuntungan.

Yayasan ini ditubuhkan oleh sekumpulan rakyat Malaysia yang berkongsi pandangan, dan yang ingin melihat supaya konsep IMalaysia menjadi nadi utama kehidupan rakyat, berpandukan Perlembagaan Persekutuan.

Beliau juga merupakan Presiden Pergerakan Keadilan Sedunia, International Movement for A Just World (JUST). Ijazah PhD beliau yang di perolehi pada tahun 1977 adalah dari Universiti Singapura.

Dr. Chandra Muzaffar telah menghasilkan 26 buah buku dalam bidang Politik Malaysia, Hubungan Kaum, Ketidakadilan Global, Penguasaan Politik Antarabangsa, Agama Dalam Konteks Globalisasi dan Dialog Antara Peradaban.

Sebahagian daripada penulisan beliau dalam Bahasa Inggeris telah diterjemahkan dalam bahasa-bahasa yang lain. Dr. Chandra Muzaffar telah menerima pelbagai pengiktirafan antarabangs antaranya Anugerah Juliet Hollister pada tahun 2010 untuk sumbangan beliau dalam bidang dialog antara agama.

PENGHARGAAN

Setiap buku yang diterbitkan adalah hasil kerjasama dan sokongan beberapa individu. Saya terhutang budi pada individu-individu berikut yang membantu saya menyiapkan dan menerbitkan buku ini.

- 1) Saudara Anas Zubedy, pengarah syarikat zubedy (M) sdn bhd yang merupakan penerbit buku ini. Beliau yang mengambil inisiatif untuk menerbitkan koleksi artikel ini sebagai sumbangan demi perpaduan kaum di negara Malaysia tercinta ini.
- 2) Saudari Aminah Poh dari zubedy ideahouse dan saudari Bhuanes Krishnasamy yang menterjemahkan artikel-artikel buku ini daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.
- 3) Saudari Nurul Haida Dzulkifli, pegawai eksekutif kanan International Movement for a Just World (JUST) yang menyemak dan mengedit deraf pertama koleksi artikel ini. Tahap penguasaan Bahasa Malaysia yang tinggi membantu beliau melakukan tugas ini dengan cemerlang.
- 4) Staf Yayasan IMalaysia (YIM) yang membekalkan penerbit dengan artikel-artikel yang saya tulis atas nama YIM.

Sekali lagi jutaan terima kasih kepada nama-nama di atas. Kejayaan usaha ini saya kongsi dengan mereka. Kekurangan dan kelemahan dalam penerbitan ini adalah tanggungjawab saya seorang.

Chandra Muzaffar
Petaling Jaya
21 Mac 2012.

ISI KANDUNGAN

Biodata Pengarang	i
Penghargaan	ii
Pengenalan	v
1. Menyelesaikan Kekhuatiran Etnik	1-15
2. Akomodasi Dan Penerimaan Masyarakat Bukan Islam	17-41
3. Sejarah Dan Sentimen Etnik	43-46
4. Menyalah Tafsir Perlembagaan	47-51
5. Ekonomi Berunsur Etnik: Pendekatan Yang Lemah	53-56
6. Ketidaksamaan Pendapatan Yang Meluas : Satu Cabaran Pada Konsep I Malaysia	57-60
7. I Malaysia, Etnik Dan Ekonomi	61-65
8. Sekolah Pilihan Pertama	67-70



9.	Mencari Penyelesaian Untuk Menangani Cabaran-cabaran Dalam Mencapai Persefahaman Antara Agama Dalam Sebuah Masyarakat Berbilang Bangsa	71-74
10.	Daripada Fiqh Kepada Al-Quran: Penyelesaian Isu Murtad	75-80
11.	Melayu Atau Rakyat Malaysia	81-83
12.	Dari Kedaulatan Melayu Ke Kedaulatan Malaysia	85-89
13.	Merapatkan Jurang Etnik	91-96
14.	Memahami Etnik Lain	97-104
15.	IMalaysia Dan Kerakyatan	105-109
16.	IMalaysia: Hala Tuju Ke Hadapan	111-116
17.	IMalaysia - Selepas 20 Bulan	117-121
	Indeks	122-124

PENGENALAN

PERJALANAN Ke Arah Satu Malaysia merupakan koleksi 17 karangan tentang perpaduan rakyat Malaysia yang saya tulis antara tahun 1996 sehingga awal tahun 2011. Semua karangan telah diterjemahkan daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia. Sebahagian kecil karangan ini bersumber daripada buku yang berjudul *A Plea for Empathy* yang diterbitkan pada tahun 2010. Tetapi, kebanyakan karangan dalam buku ini ditulis selepas konsep *1Malaysia* dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak, pada April 2009 atas kapasiti saya sebagai Pengerusi, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan *1Malaysia*.

Buku ini membuktikan bahawa kefahaman dan pendekatan saya terhadap persoalan-persoalan utama tentang perpaduan tidak berubah – sebelum dan selepas konsep *1Malaysia* dilancarkan. Itulah sebab mengapa saya menganggap *1Malaysia* sebagai kesinambungan kepada keprihatinan saya terhadap perpaduan rakyat yang bermula sejak berada di bangku sekolah menengah pada dasawarsa enam puluhan. Karangan-karangan saya dalam majalah *Sekolah Menengah Ibrahim* di Sungai Patani, Kedah, mencerminkan keprihatinan ini.

Hujah teras yang mencirikan **PERJALANAN** ialah kepentingan untuk memahami cabaran perpaduan. Ini bermakna bahawa tanpa memahami sejarah dan latar-belakang negara kita, mustahil bagi generasi semasa untuk menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan perpaduan. Saya sering menekankan *Malaysia* sebagai sebuah negara berakar umbi dalam sistem kesultanan Melayu-Islam, justeru, sistem raja berperlembagaan, bahasa Melayu dan Islam adalah unsur-unsur utama identiti negara *Malaysia*.

kontemporari. Kolonialisme British yang bertanggungjawab atas penghijrahan nenek-moyang warga Cina dan India juga berperanan dalam mengubah corak hubungan kaum di negara ini. Itulah sebabnya, cabaran integrasi kaum yang dihadapi oleh Malaysia sejak kemerdekaan merupakan cabaran dari pelbagai dimensi : ekonomi, politik, pendidikan, bahasa, budaya, agama, malah wilayah. Cabaran-cabaran inilah yang menjadi tumpuan di dalam PERJALANAN.

Selain daripada memahami cabaran-cabaran, saya juga cuba mengutarakan cadangan penyelesaian. Keadilan yang menyeluruh, yang tidak hanya cenderung pada kaum X atau kaum Y adalah kunci penyelesaian yang dikehendaki dalam masyarakat berbilang kaum. Inilah mesej yang cuba disampaikan dalam beberapa bab buku ini.

Tetapi mesej yang lebih penting ialah usaha untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum adalah suatu perjalanan – suatu perjalanan yang berliku-liku; yang penuh dengan rintangan dan halangan. Ini adalah perjalanan yang akan mengambil masa yang mungkin tiada destinasi. Yang dimaksudkan saya, dalam hubungan kaum, apa yang disifatkan sebagai ideal mustahil dicapai. Namun, kita harus terus beriltizam untuk memperbaiki tahap kemesraan kaum dari semasa ke semasa. Dari sudut inilah kita harus memahami tajuk buku ini. Perpaduan kaum adalah PERJALANAN, bukannya destinasi.

Akhir kalam, sepatah kata tentang penyusunan bab-bab dalam buku ini. Bab-bab disusun berdasarkan tajuk dan isinya. Sebagai contoh, bab-bab yang tertumpu pada ekonomi dan hubungan kaum disusun secara berturutan mengikut konteks dan pengisian.

Chandra Muzaffar.

Mac 2012.